

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	6 WARGA ASING DISYAKI TERBABIT E-WASTE DITAHAN
	SUMBER	BH (19 OGOS 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	15 (NASIONAL)

6 warga asing disyaki terbabit e-waste ditahan



Premis memproses e-waste di Sungai Petani, Tikam Batu, Kedah, disita pihak berkuasa, kelmarin.
(Foto ihsan PDRM)



Kuala Lumpur: Enam warga asing ditahan selepas disyaki terbabit dalam kegiatan pemrosesan sisa elektronik (e-waste) dalam serbuan di premis tidak bernombor di Sungai Petani, Tikam Batu, Kedah, membabitkan nilai sitaan RM8 juta, kelmarin.

Serbuan itu hasil risikan Cawangan Risik Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Cawangan Sungai Petani serta Balai Polis Tikam Batu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Azmi Abu Kassim, berkata semua suspek adalah lima lelaki warga Bangladesh dan seorang lelaki warga China.

"Mereka diserahkan kepada polis untuk siasatan lanjut mengikut Akta Imigresen 1959/63.

"Sitaan ke atas premis berkenaan turut dilakukan JAS untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Nilai keseluruhan sitaan dianggarkan bernilai RM8 juta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Antara kesalahan disiasat termasuk Seksyen 34A, 34B dan Seksyen 18 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, selain kesalahan imigresen.

2.	TAJUK	TINGKATKAN KESEDARAN PENGGUNA : SISA PERANTI TIDAK DIGUNAKAN PERLU DILUPUSKAN DI LOKASI SEPATUTNYA.
		ANCAMAN ALAM SEKITAR : JUMLAH SISA ELEKTRONIK (E-WASTE) MENINGKAT DI SELURUH DUNIA
	SUMBER	BH (19 OGOS 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	33 & 34 (FOKUS)

TINGKATKAN KESEDARAN PENGGUNA

Setiap sisa peranti tidak lagi digunakan perlu dilupuskan di lokasi sepatutnya

FOKUS

Oleh Muhammad Saufi Hassan
muhammad.saufi@mh.com.my

Lebih 800 juta unit peranti pintar dikeluarkan pada tahun lalu di peringkat global tetapi apakah kaedah terbaik untuk melupuskan peranti ini?

Wujud ancaman alam sekitar jika pengguna tidak melaksanakan proses pelupusan yang betul kerana peranti pintar mengandungi bateri dan ia berpotensi untuk mencemarkan alam sekitar.

Jumlah sisa elektronik (e-waste) meningkat pantas di seluruh dunia, mencecah 62 bilion kilogram (kg) pada 2022 namun hanya 22.3 peratus direkodkan dikutip dan dikitar semula secara formal.

> 34



WUJUD ancaman alam sekitar jika pengguna tidak melaksanakan proses pelupusan yang betul

34 | HARI METRO

HARIAN METRO
 SELASA 19 OGOS 2025

ANCAMAN ALAM SEKITAR

Jumlah sisa elektronik (e-waste) meningkat pantas di seluruh dunia

PHOTO: WILSON TAN/AG/ISTOCK



PENGGUNA perlu lebih cerna terhadap pelupusan peranti.

DARI MUKA 33

Trend ini dijangka terus menekan kerupayaan pengurusan sisa jika tiada pembaruan dasar yang bermakna.

Rangka kerja asas di negara ini berteraskan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Sisa Terjadual 2005 yang memekatkan e-waste sebagai sisa terjadual dan memerlukan pengutip serta fasiliti pemuliharaan bertlesen oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk pengumpulan dan pemprosesan.

Bagi peranti pintar kecil seperti telefon, tablet, pengecas, Suruhanjaya Multimedia Malaysia (MCMC) meluaskan jaringan titik serahan melalui program KITAAR. Peranti Lama, Nafas Baharu ialah penjenamaan semula program Mobile e-Waste yang bertujuan memudahkan orang ramai menyerahkan peranti lama di tong 'KITAAR' di lokasi rakan kerjasama. Walaupun kerangka asas wujud, kadar kutipan isi rumah masih rendah berbanding jumlah sebenar e-waste yang dihasilkan dan sebahagian aliran masih melalui saluran tidak formal.

Kesatuan Eropah (EU) sudah lama menetapkan sasaran kutipan 65 peratus serta mewalihkan prinsip take-back, iaitu peruncit atau pengeluar serta peloporan pengeluar ke daftar negara. Namun, pada 2022, kadar kutipan EU hanya 40 peratus, di bawah sasaran, sebahagiannya akibat pemindahan peranti di rumah, eksport tidak dilaporkan dan pencampuran dengan sekerap logam



Bagi tujuan pelupusan yang lebih cekap, pihak berkuasa dicadangkan untuk menggubal serta mengawal seliaan pelupusan kitar semua e-waste.

Bahan peranti ini mengandungi toksik yang boleh memberi ancaman kepada alam sekitar jika tidak diuruskan dengan

baik.

Tahap kesedaran pengguna juga perlu dipertingkatkan supaya setiap sisa peranti tidak lagi digunakan boleh dilupuskan di lokasi sepatutnya dan bukan berakhir di tapak pelupusan sampah.



Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**